

# Majlis berbuka bersama Naib Canselor UMS meriah

UB-08-05-2012 B4

**U**NIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama Naib Canselor Prof Dr Mohd Harun Abdullah pada 3 Ogos lalu.

Majlis yang diadakan di Masjid UMS itu ternyata begitu ceria dengan kehadiran lebih 500 kakitangan dan pelajar UMS. Suasana yang cukup meriah itu ditambah lagi dengan kehadiran kakitangan dan pelajar yang bukan beragama Islam, yang sama-sama memperagakan pakaian masyarakat kaum Melayu.

Acara dimulakan dengan sesi ramah mesra antara Harun dengan kakitangan UMS yang hadir pada petang

itu. Segak dengan pakaian lengkap baju Melayu, Naib Canselor UMS bersalaman dengan kakitangan yang hadir sebagai tanda kemesraan sesama warga universiti.

Beliau yang cukup terkenal dengan sikap yang ramah turut mengambil kesempatan bersama-sama dengan para pelajar UMS yang hadir sekaligus mengeratkan lagi hubungan keakraban di antara pihak pengurusan universiti dengan siswa siswi.

Selesai berbuka, kesemua hadirin yang beragama Islam menunaikan solat Maghrib bersama-sama Naib Canselor di masjid yang tersergam indah di kampus universiti itu. Setelah melaksanakan

tanggungjawab itu, acara diteruskan dengan santapan makan malam. Keenakan makanan yang disajikan menambahkan lagi seri majlis berbuka puasa yang turut dihadiri oleh para pegawai utama UMS.

Sejurus selepas itu, para hadirin khususnya kakitangan dan pelajar yang beragama Islam mendengar tazkirah khas sempena Malam Nuzul Al-Quran sebelum mengerjakan Solat Terawih secara berjemaah di Masjid UMS.

Terdahulu, Naib Canselor telah menyampaikan sumbangan raya yang masing-masing bernilai RM200 kepada 20 pelajar UMS iaitu golongan yang

kurang berkemampuan termasuk saudara yang baru memeluk agama Islam.

Majlis berbuka puasa bersama Naib Canselor

merupakan acara tahunan universiti melibatkan seluruh warga kakitangan dan pelajar yang berbilang bangsa dan agama.



**PROF. Dr. Mohd Harun (tengah) menyampaikan bantuan raya kepada pelajar-pelajar UMS yang kurang berkemampuan sambil diiringi oleh Pegawai-Pegawai Utama UMS.**



**PROF. Dr. Mohd. Harun bersalaman dengan kakitangan dan pelajar UMS.**